

# 16 agensi sertai Ekspo Pendidikan UMS-KAL

UB 17/10/2012 BS

LABUAN: Sebanyak 16 agensi termasuk jabatan kerajaan menyertai Ekspo Pendidikan sempena Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2012 di Dewan Utama pada 10-11 Oktober 2012.

Antara jabatan dan agensi kerajaan itu ialah PDRM, Peladang, Syarikat Suruhanjaya Malaysia, Niosh, Jabatan Bombardan Penyelamat, Jabatan Kesihatan, Jabatan Muzium dan Lembaga Penduduk dan Keluarga.

Turut menyertai ekspo yang diadakan dari jam 9 pagi hingga 4 petang itu ialah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Bahagian Perkhidmatan Akademik, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara (Palapes) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) serta Bahagian Sukan dan Kokurikulum.

Jurucakap penganjur, Mohd Fadzli Sarudi berkata pengunjung turut berpeluang

mengikuti ceramah bomba dan pemeriksaan Jabatan Kesihatan serta menyertai pelbagai permainan yang menguduga minda.

Katanya, orang ramai khasnya pelajar sekolah menengah juga boleh mengenali dan mengetahui dengan lebih lanjut program yang ditawarkan di UMS Labuan.

“Ekspo Pendidikan itu sangat berfaedah bukan sahaja kepada pelajar UMS-KAL tetapi juga penduduk tempatan terutamanya pelajar sekolah menengah yang bakal melanjutkan pelajaran ke menara gading,” katanya.

Mohd Fadzli berkata, majlis perasmian ekspo itu akan disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Alipadahari ini (Khamis) bermula jam 10 pagi.

Sehubungan itu, beliau mempelawa penduduk setempat untuk mengunjungi ekspo pendidikan itu yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-14 peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.



**PELAJAR** Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) menunjukkan bahan yang dipamerkan di gerai Bahasa Jepun, Inggeris dan Cina.



**PELAJAR** Pasukan Simpanan Sukarelawan Tentera Udara (Palapes) turut menyertai Ekspo Pendidikan di Dewan Utama UMS-KAL.